

**TAKLIMAT CADANGAN TAPAK PEMBINAAN BANGUNAN BAHARU  
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH REMBAU**

1 September 2020 - Tuan Khairil Hafiz bin Nazari, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Rembau, Tuan Mus'ab Leh bin Abdullah, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Rembau & Encik Mohd Azrin Bin Shuhaimi, Penolong Pegawai Tadbir Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan telah hadir ke taklimat cadangan tapak pembinaan bangunan baharu Mahkamah Rendah Syariah Daerah Rembau yang diadakan di Pejabat Daerah & Tanah Rembau.

Taklimat ini disampaikan oleh Puan Nooralina binti Othman, Timbalan Pentadbir Tanah Daerah Rembau.

Lawatan tapak juga telah diadakan sejurus taklimat tersebut.